

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah proaktif yang diambil bagi mengimbangi kesan negatif kejatuhan harga minyak di mana di Labuan sahaja, syarikat-syarikat Minyak dan Gas telah mengambil langkah mengurangkan ramai pekerja mereka dan ini memberi kesan langsung dan tidak langsung terhadap perkembangan ekonomi tempatan yang banyak bergantung kepada industri ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Asas ekonomi telah dipelbagaikan sejak sekian lama bagi mengurangkan kebergantungan negara ke atas mana-mana industri dan komoditi yang mana pada masa ini ekonomi negara lebih berasaskan kepada sektor perkhidmatan yang menyumbang sebanyak 53.5 peratus kepada KDNK negara, diikuti sektor pembuatan sebanyak 23.0 peratus. Hasilnya, sumbangan bagi sektor perlombongan petroleum dan gas asli telah mengecil kepada 9.0 peratus sahaja daripada KDNK berbanding 18.1 peratus pada 1990. Bagi eksport barangan, peratusan sumbangan petroleum dan gas asli kepada keseluruhan eksport telah berkurangan daripada 16.7 peratus daripada jumlah eksport pada tahun 1990 kepada 12.6 peratus daripada jumlah eksport pada tahun 2014.

Sebagai rancangan jangka panjang, Kerajaan telah mengenal pasti bahawa daya tahan dan daya saing ekonomi negara akan diperkukuhkan lagi dengan peningkatan inovasi dan produktiviti dalam aktiviti ekonomi negara. Melalui strategi ini, KDNK negara dijangka berkembang antara 5 hingga 6 peratus setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11). Berdasarkan pertumbuhan berkenaan, semua sektor ekonomi dijangka menyumbang kepada ekonomi Malaysia secara signifikan dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan akan menjadi penyumbang utama kepada pembangunan negara.

Sektor perkhidmatan dijangka menyumbang sebanyak 56.5 peratus kepada KDNK menjelang tahun 2020 dan berkembang pada kadar 6.9 peratus setahun. Perkembangan sektor ini akan berpaksikan kepada perkhidmatan bernilai tinggi dan berintensif pengetahuan. Industri seperti kewangan Islam, ICT, perkhidmatan minyak dan gas, penjagaan kesihatan swasta, pendidikan tinggi swasta, ekopelancongan, industri halal dan perkhidmatan profesional akan diberi lebih tumpuan dengan memperkukuh aspek pemodenan dan penggunaan teknologi.

Sektor pembuatan pula disasarkan kekal menjadi penyumbang kedua terbesar ekonomi Malaysia dan dijangka berkembang pada kadar 5.1 peratus setahun. Strategi untuk meningkatkan prestasi sektor pembuatan pula akan dilakukan melalui peralihan kepada pengeluaran produk yang lebih kompleks dan pelbagai serta pengukuhan produktiviti dengan penggunaan automasi yang lebih meluas dan peningkatan kemahiran. Dalam tempoh RMK11, tiga subsektor pemangkin iaitu kimia dan produk kimia, elektrik dan elektronik serta peralatan dan jentera bersama dengan subsektor aeroangkasa dan peranti perubatan dikenal pasti mempunyai potensi untuk menjadi pemacu pertumbuhan sektor pembuatan.

Tumpuan juga akan diberikan kepada industri perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berikutan industri ini menyumbang sebanyak 90 peratus kepada sektor perkhidmatan yang merupakan pemacu ekonomi negara. Antara strategi yang akan diambil ialah meningkatkan produktiviti PKS, memperkukuh pembangunan modal insan di kalangan PKS, mempermudah urusan perniagaan PKS, meningkatkan permintaan produk dan perkhidmatan PKS, mewujudkan jaguh PKS kelahiran tempatan dan membangunkan PKS di Sabah dan Sarawak.

Sektor pertanian pula dijangka berkembang sebanyak 3.5 peratus setahun melalui strategi mentransformasi subsektor agromakanan menjadi subsektor yang berpendapatan tinggi dan mampan melalui inisiatif pemodenan dan pembangunan dan penyelidikan (R&D). Tumpuan akan diberikan untuk memastikan jaminan bekalan makanan dan keselamatan makanan, menambah pendapatan pertanian dan meningkatkan produktiviti terutamanya komoditi makanan yang mempunyai tahap sara diri (SSL) yang rendah. Aktiviti sektor perlombongan pula akan dipelbagaikan kepada aktiviti hiliran agar dapat meningkatkan nilai ditambah bagi sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya walaupun Labuan terkenal sebagai pusat industri minyak dan gas, namun, sektor perkhidmatan merupakan pemacu pertumbuhan utama di pulau berkenaan dan lebih kurang 50.6 peratus daripada ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan telah disumbangkan oleh subsektor kewangan, selaras dengan peranan Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa. Manakala daripada segi pekerjaan penduduk pula, pekerja dalam industri berkaitan minyak dan gas adalah seramai 3.2 juta orang atau 7.7 peratus daripada jumlah penduduk yang bekerja.

Kejatuhan harga minyak mentah dunia masa kini merupakan fenomena jangka pendek. Tren harga minyak mentah kini telah pun menunjukkan tahap pemulihan dan ia dijangka akan meningkat semula ke tahap yang lebih mampan. Mengambil kira sumbangan subsektor berkenaan dan pemulihan harga minyak mentah, pertumbuhan ekonomi di Labuan ini dijangka tidak akan terjejas teruk. Usaha komited Kerajaan yang telah

mempelbagaikan struktur ekonomi negara secara amnya dan Pulau Labuan secara khususnya, akan mengukuhkan ekonomi walaupun berdepan dengan ketidaktentuan global terutamanya kejatuhan harga komoditi dunia.

Sekian, terima kasih.